

UNTUK SIARAN SEGERA



## KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN KERJA RAYA MALAYSIA

### **PENGURANGAN HAD LAJU JALAN PERSEKUTUAN DAN JALAN NEGERI SEMPENA HARI RAYA AIDILFITRI 2013**

---

**Kuala Lumpur, Rabu, 31 Julai 2013 – Bersempena Sambutan Hari Hari Raya Aidilfitri 2013 yang bakal disambut pada 8 – 9 Ogos 2013, had laju di Jalan Persekutuan dan Jalan Negeri di seluruh negara akan dikurangkan 10 km/j menjadikan had laju Jalan Persekutuan daripada 90 km/j kepada 80 km/j. Manakala Jalan Negeri daripada 80 km/j kepada 70 km/j berkuatkuasa mulai 1 Ogos 2013 hingga 18 Ogos 2013.**

Pewartaan pengurangan had laju sementara ini merupakan antara langkah-langkah keselamatan dan pemantauan yang diambil Kerajaan bagi meningkatkan keselamatan dan mengurangkan risiko kemalangan jalan raya yang kerap kali berlaku di musim perayaan.

Justeru itu, Kementerian Kerja Raya turut bekerjasama dengan Kementerian Pengangkutan serta Polis Diraja Malaysia (PDRM) mengambil langkah-langkah awal mengadakan program pemantauan jalan raya antaranya:

i) **Penyenggaraan Jalan Raya**

Memaklumkan pihak Syarikat Konsesi supaya melaksanakan kerja penyenggaraan rutin lebih awal dan disiapkan sebelum 1 Ogos 2013 kecuali menampal *pothole*, kecemasan dan kritikal.

**ii) Pemberhentian Kerja Penyenggaraan dan Pembinaan Dalam Rizab Jalan**

Mengeluarkan arahan pemberhentian kerja penyenggaraan dan pembinaan dalam rizab Jalan Persekutuan dan Jalan Negeri serta mengalihkan semua jentera/peralatan jauh dari bahu jalan sepanjang tempoh Ops Selamat 3 dari 1 Ogos 2013 sehingga 18 Ogos 2013. Bagaimanapun, pemberhentian kerja penyenggaraan dan pembinaan ini adalah dikecualikan kepada kerja menampal *pothole*, kecemasan dan kritikal serta kerja pembinaan di luar rizab jalan.

**iii) Penubuhan Pasukan Peronda**

- a) Menubuhkan pasukan peronda di setiap daerah/jajahan bagi membantu memantau sebarang kerosakan jalan dan kemalangan sepanjang tempoh Ops Selamat 3.
- b) Pasukan peronda terdiri daripada kakitangan JKR Daerah yang akan menjalankan rondaan pada waktu pejabat sahaja (rondaan lebih kerap dijalankan semasa hujan sahaja.)
- c) Memastikan kerja-kerja kecemasan dilakukan dengan segera dengan gangguan minimum ke atas lalulintas dan memberi keutamaan kepada laluan-laluan utama.

**iv) Penyelarasaran Pengurusan Lalulintas di setiap Daerah**

- a) JKR Daerah akan memberi khidmat nasihat teknikal dan lain-lain bantuan berkaitan pengurusan lalulintas musim perayaan.
- b) JKR Daerah akan membuat penyelarasan di daerah masing-masing bersama Polis DiRaja Malaysia dan Jabatan Pengangkutan Jalan bagi memastikan pengurusan lalulintas yang cekap semasa musim perayaan.

v) **Jalan Alternatif bagi Laluan Utama**

JKR Daerah yang terlibat diminta mencadangkan jalan-jalan alternatif kepada laluan-laluan utama. Cadangan jalan-jalan alternatif akan diwar-warkan di dalam media dari semasa ke semasa.

**Unit Komunikasi Korporat**

**Kementerian Kerja Raya**

**31 Julai 2013**